



# 1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab..

## Masuk Insurans Nyawa

Yusuf bin Omar, Kampung Pulau Kambing, Jalan Hiliran, Kuala Terengganu bertanya: Saya ingin memasuki sebuah syarikat insurans nyawa dengan bayaran \$3,000 selama 20 tahun. Bagaimana pendapat tuan tentang ini dalam agama Islam?

Jawab: Masalah ini telah pernah dijawab di dalam ruangan ini dahulu dengan panjang lebar yang menunjukkan bahawa masuk insurans nyawa itu hukumnya haram sesudah diberi keterangan-keterangan dan cara-cara yang berlaku dijalankan di dalam peraturan insurans itu. Harap saudara periksa keluaran-keluaran Qalam dahulu.

\* \* \*

## Kaum Muda – Kaum Tua

Muhammad Tahir bin Abdullah (Ikhwan 1128), Sekolah Agama Ulu Resmis Estate, Layang-layang Johor bertanya: Apa yang dikatakan Kaum Muda; perbezaannya dengan Kaum Tua; dan adakah Kaum Muda itu tiada diterima pada sisi Allah *subḥānahu wa Ta’ālā* ?

Jawab: Perkara ini telah pernah dijawab di dalam ruangan ini sedikit masa dahulu. Terang dan jelas disebut bahawa Kaum Muda berkehendakkan supaya segala amalan hendaklah berpegang kepada *al-Qur'an* dan *al-hadīth* serta ijmak sahabat dan dalam perkara-perkara yang tiada terjadi pada zaman Rasulullah dan sahabat-sahabat itu hendaklah dikiaskan (tentang perkara-perkara yang di luar ibadat). Sedang

pengertian Kaum Tua, sebagaimana lazimnya, berpegang atau mengikut kepada pengertian ambilan dan pengertian daripada imam-imam mazhab masing-masing. Saudara boleh timbang sendiri tentang hal ini.

\* \* \*

## Mahu Jadi Pengarang

Hamlin bin Ayub, Kampung Santubong, Kuching

Sarawak, bertanya: Bagaimana yang eloknya supaya saya pandai di dalam ilmu karang-mengarang; adakah kita mesti belajar ilmu karang-mengarang lebih dahulu ataupun dengan membanyakkan membaca buku-buku karangan orang-orang terkenal; atau pun saya mencuba mengarang mengikut pengalaman yang ada di dalam pengetahuan saya sendiri padahal saya ingin menjadi seorang pengarang.

Jawab: Salah satu jalan untuk menjadi seorang pengarang ialah membanyakkan membaca buku-buku terutamanya buku-buku yang berisi pengetahuan am. Daripada ini dua perkara yang bakal saudara dapat – yang pertama: dapat panduan cara-cara karangan seseorang pengarang; dan yang kedua: mendapat bahan-bahan umum yang bakal dijadikan bahan-bahan tulisan.

Selain daripada itu, perkara-perkara yang patut diperhati dan diselidiki oleh seseorang wartawan ialah undang-undang karang-mengarang – undang-undang kerajaan yang berkenaan dengan berbagai-bagi hal seperti yang disebut di dalam bahasa Inggerisnya: : *label, seditious, slanders*. Sesudah saudara mengetahui perkara-perkara yang tersebut maka dapatlah kelak saudara menggunakan kata-kata yang tidak mengikat di dalam sesuatu tulisan serta kata-kata: setelah, yang akan, sesudah, nampaknya, harus, boleh jadi, dikatakan, akan, pada fikiran dan seumpamanya yang boleh dijadikan helah melepaskan undang-undang itu mengenai tulisan seseorang – dan inilah kata-kata yang dikatakan “kewartawanan” sehingga susah

bagi orang dapat mengaitkan tulisannya dengan undang-undang kepada mereka.

Untuk mendapatkan semuanya ini maka saudara berkehendakkan berlatih dengan rajin dan tekun serta tidak jemu di dalam usaha-usaha ini. Karangan-karangan itu pula ada banyak bahagian-bahagiannya – pengarang buku, pengarang majalah, pengarang suratkhabar – menjadi pemberita, penapis berita-berita dan sebagainya yang masing-masing bahagian itu berkehendakkan keahlian tiap-tiap seorang daripadanya.

\* \* \*

### Bergaduh

Jaafar bin Ibrahim, 123 – de Jalan Tengku, Jelutong Pinang, bertanya: Apa hukumnya dan akibatnya apabila berlaku perselisihan yang sedikit sesama Islam yang salah seorang daripadanya tidak mahu diselesaikan oleh orang-orang Islam – dan terus ia mengadu dan menuntut di mahkamah dengan diadili oleh hakim yang bukan Islam?

Jawab: Sebaik-baik perselisihan itu diselesaikan oleh orang tengah dan sebaik-baiknya hendaklah salah seorang daripadanya berulur bertarik – berlebih kurang. Dengan cara ini adalah menjadi suatu anjuran yang sebaik-baiknya bagi sesama Islam dan faedahnya lebih baik dalam menunjukkan perasaan persaudaraan Islam di antara satu dengan lain. Tetapi apabila perkara itu tidak dapat diselesaikan maka tidaklah perkara itu ada salahnya diadili oleh hakim-hakim atau pengadil-pengadil yang bukan Islam untuk memutuskan mengikut undang-undang negeri ini, sekalipun ia bukan undang-undang Islam kerana keadaan dengan sendirinya tidak dapat menjalankan hukum-hukum Islam

di negeri ini. Kita mesti takluk kepada hukuman-hukuman itu sebab kekuasaan undang-undang itu ada kuasa yang boleh menjalankannya atau melaksanakannya jika hukuman atas sesuatu itu sudah diberi.

\* \* \*

### Tak Mahu Sembahyang Jumaat

Ahmad Ansari bin Jayus, Bukit Ceral, Jeram

Selangor, bertanya: Apakah hukumnya jika seorang khatib masjid tidak mahu menjalankan tugasnya berkutbah dan tidak mau pula datang sembahyang Jumaat.

Jawab: Perbuatan yang semacam ini dinamakan meninggalkan tugas dan patut diganti oleh orang lain. Tentang ia tidak datang Jumaat, jika tidak uzur, maka ia berdosa sebab Jumaat itu ialah sembahyang wajib sama ada orang mastautin atau pun musafir. Perkara ini telah banyak disebut di dalam majalah ini – harap supaya saudara periksa semula.

\* \* \*

Muhammad Yasin bin Siraji, anggota Ikhwan 2939

Semasih Pancur, Johor. Bertanya: Ibu bapa mendidik anaknya dari kecil sehingga akil baligh kemudian disekolahkan atau belajar mengaji di pondok dan bapanya tiap-tiap bulan memberi belanja. Apabila cukup masanya balik ke rumah tidak boleh membaca berzanji – kepada siapakah salahnya? Tolong terangkan jalan-jalannya.

Jawab: Yang salah ialah anak itu sendiri – kerana ia malas dan tidak rajin belajar. Patut pula diingatkan belajar berzanji itu tidak wajib kerana isi berzanji itu hanya riwayat sejarah Nabi.

\* \* \*